

**Sekat Muhyiddin hanya tambah popularitinya, kata bekas menteri
Malaysian Insider
Nov 25, 2015**

Tindakan menghalang Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada merasmikan perhimpunan Pemuda dan Wanita Umno pasti akan menambah simpati, populariti dan mengangkat maruahnya ke taraf lebih tinggi, kata bekas menteri penerangan Datuk Zainudin Maidin.

Bekas ketua pengarang Utusan itu berkata populariti itu bukan sahaja daripada ahli Umno, tetapi juga pembangkang dan kalangan rakyat berbilang kaum seluruh negara, katanya dalam tulisan blog beliau hari ini.

"Pertanyaan popular ialah kenapa Najib mahu menutup mulut timbalan presiden untuk menyempurnakan amalan tradisi zaman-berzaman yang tidak melanggar perlembagaan parti?"

"Sokongan beratus bahagian Umno nampaknya tidak memberikan keyakinan, kekuatan dan keberanian kepada Najib untuk menghadapi Muhyiddin seorang," katanya.

Sekatan ini juga, katanya, menghakis lagi kewibawaan Najib sebagai presiden Umno dan menyebabkan semakin ramai rakyat sedar beliau tidak segagah keterampilannya.

"Ketua Pemuda, Puteri dan Wanita Umno janganlah membisu, sebaliknya mestilah mengesahkan dakwaan Najib yang mereka sendiri mahu memecahkan tradisi Umno bagi membuktikan Najib benar-benar King of Money," katanya.

Namun kata Zam, walaupun disekat daripada merasmikan mesyuarat itu, Muhyiddin akan mempunyai cara tersendiri untuk menyampaikan ucapannya bagi meneruskan tradisi zaman-berzaman.

"Inilah konklusi yang dapat dibuat saya setelah mengemukakan kemungkinan sekatan itu akan berlaku dalam perbualan dengan Tan Sri Muhyiddin di Cafe saya, Zam Newsroom Cafe di Ayer@8 Putrajaya baru-baru ini," katanya.

Semalam, Najib mengumumkan Majlis Tertinggi memutuskan mesyuarat sayap Wanita, Pemuda dan Puteri pada Perhimpunan Agung Umno bulan Disember depan akan dirasmikan ketua sayap masing-masing dan bukannya Muhyiddin.

Najib berkata keputusan itu dicapai bagi mengekalkan "suasana baik dan positif" perhimpunan.

"Perhimpunan agung kali ini, kita hendak suasananya baik dan suasananya positif."

"Antara keputusan yang kita buat, sayap Wanita, Pemuda dan Puteri akan dirasmikan ketua sayap masing-masing," katanya pada sidang media di Parlimen semalam. – 25

November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sekat-muhyiddin-hanya-tambah-popularitinya-kata-bekas-menteri>